

SPP UPSI BIL. 5 TAHUN 2009

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Y. Bhg. DatoqProf./Tuan/Puan,

WAKTU BEKERJA SEPANJANG BULAN RAMADHAN

Dimaklumkan bahawa sepanjang bulan Ramadhan 1430 ini, waktu rehat tengahari akan dipendekkan setengah jam bagi membolehkan waktu pejabat ditamatkan lebih awal iaitu pada jam 4.30 petang.

2. Bagi perkhidmatan di kaunter, kakitangan perlu digilirkan mengikut Jadual I dan Jadual II di bawah manakala yang tidak terlibat bolehlah mengikut Jadual I.

Jadual I

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin . Khamis	8.00 pg. . 1.00 t/hari	1.00 t/hari . 1.30 ptg	1.30 ptg . 4.30 ptg
Jumaat	8.00 pg. . 12.45 t/hari	12.45 t/hari . 2.45 ptg	2.45 ptg . 4.30 ptg

Jadual II

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin . Khamis	8.00 pg. . 1.30 t/hari	1.30 t/hari . 2.00 ptg	2.00 ptg . 4.30 ptg
Jumaat	8.00 pg. . 12.30 t/hari	12.30 t/hari . 2.30 ptg	2.30 ptg . 4.30 ptg

PENGECUALIAN

Pekeliling ini **tidak terpakai** kepada kakitangan berikut:

1. Bekerja secara syif
2. Pensyarah yang tertakluk dengan jadual kuliah.

(2)

3. Pemakaian pekeling ini adalah **tertakluk kepada budi bicara Ketua PTj** masing-masing mengikut perkara-perkara berikut:

3.1.Keutamaan tugas hakiki yang menuntut kakitangan bertugas seperti biasa iaitu sehingga jam 5.00 petang;

3.2.Bagi kakitangan bukan muslim yang boleh memilih mengikut pekeling atau bekerja seperti biasa.

4. Harus diingatkan bahawa Pekeling ini dikeluarkan untuk memberi kelonggaran kepada kakitangan membuat persiapan berbuka puasa. Sehubungan itu, sekiranya kakitangan berhasrat untuk melakukan **kerja lebih masa (OT) maka ianya tetap dikira bermula dari jam 5.00 petang.**

SELAMAT MENYAMBUT RAMADHAN ALMUBARAK

Terima kasih.

‘Pendidikan Gemilang Menuju Wawasan’

Yang benar,

(DATO’ RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar

s.k.

Y.Bhg. DatoqNaib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Bendahari

Pengarah BHKA